



SYARAT DAN TERMA

KEMPEN CELIK SKIM KEPENTINGAN SSM & MENANG!

1. PENGENALAN

- 1.1. Kempen Celik Skim Kepentingan SSM & Menang! merupakan sebuah program pertandingan yang dianjurkan menggunakan kaedah pendidikan dalam talian yang santai dan interaktif bagi mencapai matlamat dan impak berikut:
 - (a) Memupuk kesedaran dan pemahaman terhadap industri skim kepentingan di kalangan pelajar, pentadbir dan cendekiawan IPT;
 - (b) membantu usaha kerajaan untuk memacu ekonomi digital; dan
 - (c) membantu usaha kerajaan ketika ini untuk melaksanakan norma baru dalam aktiviti sosio-ekonomi termasuk aktiviti-aktiviti yang memberi impak secara langsung dan tidak langsung kepada golongan belia dengan mengambilkira situasi terkini pandemik covid 19 di Malaysia.
- 1.2 Program ini dianjurkan oleh SSM selaku penganjur ("Penganjur") dan melibatkan sepuluh (10) buah institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) yang telah bersetuju bekerjasama dengan SSM untuk melaksanakan program ini.
- 1.3 Pertandingan ini **BUKAN** merupakan pertandingan antara 10 IPT. Pertandingan ini merupakan pertandingan anjuran SSM bersama 10 IPT yang bekerjasama melaksanakan program pertandingan secara dalaman setiap IPT terlibat melibatkan pelajar yang masih dalam pengajian.

2. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

2.1. Pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar yang sedang mengikuti pengajian di IPT-IPT terlibat seperti disenaraikan di Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Senarai IPT terlibat

Bil	IPTA/IPTS	Kod Universiti
1.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	UIA
2.	Universiti Kebangsaan Malaysia	UKM
3.	Universiti Putra Malaysia	UPM
4.	Universiti Malaysia Kelantan	UMK
5.	Universiti Sultan Zainal Abidin	UNISZA
6.	Universiti Utara Malaysia	UUM
7.	Universiti Malaysia Sarawak	UNIMAS
8.	Universiti Sains Malaysia	USM
9.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	UTEM
10.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	UTHM

2.2. Mempunyai ID/kad pelajar yang sah;

2.3. Penyertaan adalah secara individu;

2.4. Peserta yang telah memenangi hadiah tidak layak untuk menyertai pertandingan ini selanjutnya. Penganjur berhak menyekat penyertaan peserta sedemikian.

3. CARA-CARA MENYERTAI PERTANDINGAN

- 3.1. Peserta boleh menyemak iklan promosi pertandingan ini di laman media IPT masing-masing;
- 3.2. Pastikan IPT peserta berada dalam giliran yang ditetapkan semasa menyertai pertandingan seperti di Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Jadual Pusingan dan Masa Penyertaan IPT terlibat

Minggu	Tarikh	Universiti / IPT	Masa
Pusingan 1			Masa Mula dan Tamat setiap pusingan: 10.00 pagi hari pertama setiap pusingan sehingga tamat pada jam 4.00 petang hari terakhir setiap pusingan
Minggu 1-3	07 Sept – 27 Sept 2020	(UTEM), (UIAM) (UKM), (UTHM), (UUM),	
Minggu 4-6	28 Sept – 18 Okt 2020	(UNISZA), (UPM), (USM), (UNIMAS), (UMK)	
Pusingan 2			
Minggu 8-10	19 Okt – 8 Nov 2020	(UTEM), (UIAM) (UPM), (UTHM), (UUM),	
Minggu 11-13	9 Nov – 29 Nov 2020	(UNISZA), (UPM), (USM), (UNIMAS), (UMK)	

- 3.3. Pada peralatan komunikasi atau teknologi maklumat masing-masing, klik pautan / scan pada kod QR yang dinyatakan. Ini akan terus membawa peserta ke *web interface* berkenaan pertandingan ini;
- 3.4. Pilih dan tekan butang "video" yang berkenaan. Peserta digalakkan menonton semua video pendek yang disenaraikan;
- 3.5. Setelah menonton video, tekan butang "kuiz". Peserta perlu mendaftar masuk (log-in) aplikasi kuiz dengan memasukkan butiran berikut:

Contoh :

Pelajar UIA. Pada halaman daftar masuk terdapat ruang ID seperti berikut:

UIA_ _ _ _ _ (masukkan No ID pelajar). Masukkan juga alamat emel.

- 3.6. Setelah berjaya log in, tekan butang "join" dan 3 set soalan kuiz akan dipaparkan. Klik salah satu (1) dari 3 set soalan kuiz dan peserta telah boleh mula menjawab;
- 3.7. Setiap set soalan kuiz mengandungi 10 soalan. Soalan-soalan kuiz adalah berdasarkan kepada maklumat yang dipaparkan di dalam video-video seperti di Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Senarai Video bagi Setiap Set Soalan Kuiz

Bil	Video	Soalan Kuiz
1.	Video 1 dan 2	Kuiz 1
2.	Video 3 dan 4	Kuiz 2
3.	Video 5 dan 6	Kuiz 3

- 3.8. Semua soalan berbentuk objektif. Jawab semua 10 soalan. Untuk memenangi hadiah wang tunai, peserta perlu menjawab 10/10 soalan dengan jawapan yang betul;
- 3.9. Di akhir sesi, aplikasi kuiz akan memaparkan jumlah skor dan ID peserta. Peserta perlu memastikan paparan tersebut dicetakskrin (screenshot) dan disimpan untuk tujuan tuntutan hadiah wang tunai;
- 3.10. Sekiranya peserta gagal dalam percubaan pertama, boleh mencuba tidak melebihi 3 kali percubaan setiap pusingan (termasuk percubaan pertama) dengan syarat memilih set soalan kuiz yang berbeza. Sekiranya masih gagal, peserta boleh mencuba dalam pusingan berikutnya tetapi tidak melebihi 3 kali cubaan setiap pusingan;
- 3.11. Penyertaan adalah percuma.

4. TEMPOH PERTANDINGAN

- 4.1. Pertandingan Kuiz Dalam Talian Skim Kepentingan 2020 akan dijalankan dalam tempoh 12 minggu bermula daripada 07 September 2020 sehingga 30 November 2020;
- 4.2. Pertandingan terbuka kepada pelajar IPT mengikut giliran IPT seperti ditunjukkan di Jadual 2 di atas. Seperti ditunjukkan dalam Jadual 2, terdapat 2 pusingan dengan tempoh keseluruhan adalah selama 6 minggu untuk setiap IPT.
- 4.3. Kegagalan peserta mematuhi giliran boleh menyebabkan kemenangan dibatalkan.

5. PEMILIHAN PEMENANG, HADIAH DAN BAYARAN

- 5.1. Hadiah yang ditawarkan adalah hadiah wang tunai RM100 untuk setiap pemenang. Jumlah maksimum pemenang setiap IPT adalah 150 orang;
- 5.2. Pemenang akan dipilih berdasarkan 75 peserta terawal yang menjawab tepat dan mencapai skor jawapan yang ditetapkan dalam setiap pusingan. Senarai nama pemenang akan dipamirkan selepas setiap pusingan. Sekiranya kurang daripada 75 berjaya sebagai pemenang dalam pusingan 1, baki slot pemenang akan dibawa ke pusingan seterusnya;
- 5.3. Pemenang yang disenaraikan boleh membuat tuntutan kepada urus setia IPT masing-masing bermula dari tarikh pengumuman pemenang oleh IPT sehingga tempoh 14 hari selepas tamat pertandingan iaitu 30 November 2020. Sila kemukakan salinan cetakskrin dan kad ID pelajar semasa membuat tuntutan;
- 5.4. Tuntutan yang diterima lewat dari tempoh 14 hari selepas tarikh 30 November 2020 tidak akan dilayan;
- 5.5. Bayaran akan dibuat samada secara bayaran tunai atau kredit ke dalam akaun pemenang mengikut budibicara IPT masing-masing.

6. SYARAT-SYARAT UMUM

- 6.1. Penganjur berhak untuk meminda skor maksima yang ditetapkan untuk pusingan berikutnya sekiranya mendapati berdasarkan keputusan yang dicapai dalam pusingan terdahulu bahawa skor maksima sukar dicapai;
- 6.2. Penganjur berhak untuk meminda set soalan kuiz bagi setiap pusingan;
- 6.3. Kegagalan peserta mematuhi syarat dan terma pertandingan boleh menyebabkan kemenangan dibatalkan;
- 6.4. Keputusan Penganjur adalah muktamad. Sebarang surat menyurat tidak akan dilayan;
- 6.5. Peserta tidak berhak untuk menuntut bayaran atau gantirugi jika terdapat sebarang kehilangan, kos perbelanjaan atau kerosakan yang timbul dan juga keputusan pertandingan.

7. URUS SETIA

7.1. Urus setia 10 IPT terlibat.

7.2. Sebarang pertanyaan sila hubungi :

Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Seksyen Skim Kepentingan
Aras 19, Menara SSM@Sentral
No.7 Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50623, Kuala Lumpur
No. Tel : 03-22994877/03-22994941
Emel : kempencelikSK@ssm.com.my